



# KEKAL ABADI

Berita Perpustakaan Universiti Malaya

Jil. 15 bil. 3 September 1996

Percuma

ISSN 0127-2578

## PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI KAKITANGAN PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG

**Rashidan Hakkam**

Ketua Perpustakaan Undang-Undang  
Universiti Malaya

**Abstrak :** Artikel ini memberi penerangan mengenai program latihan kakitangan tahunan Perpustakaan Undang-Undang yang telah diadakan pada bulan Jun tahun ini. Program tersebut bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran kakitangan dalam kerja-kerja rujukan supaya mereka dapat memberi perkhidmatan rujukan yang berkualiti dan efisien. Topik-topik utama yang dikenalpasti bagi program tiga minggu ini adalah Katalog Awam Talian Terus Perpustakaan, Statut dan Bahan-bahan Rujukan Perundangan. Kakitangan bekerja secara berpasangan, masing-masing dikehendaki mendalami satu aspek yang dipilih daripada topik yang ditetapkan pada minggu tersebut. Peserta perlu membentangkan hasil kajian mereka kepada peserta-peserta lain dan panel tiga orang hakim. 'Pasukan Terbaik' yang dipilih menerima hadiah. Selain dari persembahan, kakitangan juga perlu menduduki satu ujian bertulis yang merangkumi semua bidang yang telah dibincangkan. Pandangan serta cadangan bertulis daripada kakitangan akan diambilkira dalam pengurusan dan perancangan program-program yang sama di masa akan datang.

**Katakunci :** Perpustakaan undang-undang; Pendidikan perpustakaan (Pendidikan berlanjutan)

**Abstract :** This article describes the Law Library's annual staff training programme held in June this year. It was aimed at enriching and sharpening the reference skills of the staff so that they will be able to provide efficient and quality reference services. The main topics identified for the three weeks programme were the Online Public Access Catalogue, Statutes and Legal Reference Sources. The staff worked in pairs familiarizing themselves with an area of their choice selected from the Topic of the week. Once a week they had to present their research to the other participants and a panel of three judges. The Outstanding Team selected won prizes. In addition to the presentation, the staff had to sit for a written test on all the areas which were discussed. The written views and recommendation of the staff will be taken into consideration in the

planning and management of similar programmes in future.

**Keywords :** Law libraries; Library education (Continuing education)

[**Title in English :** The Law Library staff performance enhancement programme]

### KANDUNGAN/CONTENTS

Program Peningkatan Prestasi	
Kakitangan Perpustakaan Undang-Undang	1
Clinical Librarianship	5
Kertas kerja Persidangan	14
Laporan Persidangan	19
Ulasan Buku	23
Maklumat Terkini Pengkomputeran	25
Berita Ringkas	26
Hal Ehwal Kakitangan	26

Satu pendekatan baru telah diperkenalkan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya, dalam program kemajuan kakitangannya pada tahun ini. Program latihan kakitangan dianggap penting kerana ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran kakitangan terutamanya dalam menjalankan kerja-kerja rujukan yang mana memerlukan kefahaman yang luas serta mendalam terhadap koleksi perpustakaan. Pada tahun ini, program telah diadakan dalam bulan Jun, dan mengambil masa selama tiga minggu. Peserta-peserta yang mengambil bahagian adalah terdiri daripada Pembantu Perpustakaan, Pembantu Tadbir dan dua orang Pustakawan yang baru berkhidmat di Perpustakaan Undang-Undang. Mereka yang terlibat adalah yang secara langsung bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar, pensyarah-pensyarah, ahli-ahli luar dan pengguna-pengguna perpustakaan yang lain dalam mencari dan mendapatkan sesuatu perundangan, penghakiman dan lain-lain maklumat terperinci yang boleh didapati daripada pelbagai sumber seperti buku-buku teks, laporan undang-undang, jurnal-jurnal perundangan dan lain-lain dokumen. Kebolehan memenuhi permintaan pengguna dengan cepat dan tepat adalah amat penting kepada kedua-dua pihak iaitu pengguna dan Perpustakaan Undang-Undang yang ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-penggunanya sebagai menjunjung salah satu matlamat Perpustakaan.

Dalam program ini, sebagai langkah permulaan, Ketua Perpustakaan Undang-Undang telah mengenalpasti beberapa topik utama yang dianggap penting dan perlu diketahui dan dikuasai oleh kakitangan. Oleh kerana masa adalah terhad kepada tiga minggu, tiga topik terpenting sahaja dipilih untuk kali ini. Kakitangan kemudiannya diberikan kebebasan memilih dan menumpukan penyelidikan mereka hanya pada satu aspek kecil sahaja daripada topik utama yang telah ditetapkan untuk minggu yang berkenaan. Sejumlah 18 orang kakitangan telah mengambil bahagian. Mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil, seramai dua orang dalam

satu kumpulan, dan pasangan tiap kumpulan ditentukan dengan cara mencabut undi. Adalah menjadi hasrat pengelola program untuk menghadkan bilangan peserta dalam setiap kumpulan sekecil yang boleh supaya setiap kakitangan terpaksa melibatkan diri secara aktif dan sekaligus memperolehi manfaat yang optimum.

Pada minggu yang pertama, dalam topik Katalog Awam Talian Terus Perpustakaan (OPAC), peserta telah berucap dan menyentuh mengenai ciri-ciri utamanya dan cara mengesan bahan-bahan dalam Perpustakaan dengan menggunakan beberapa jenis pencarian termasuk pencarian katakunci. Pada minggu yang kedua pula, topiknya adalah Perundangan. Bidang-bidang yang telah dipilih oleh peserta merangkumi 'English Statutes', Akta Persekutuan, Undang-Undang Sabah, Sarawak, Singapura, New Zealand, sumber utama Statut Amerika Syarikat dan Perundangan Kecil Malaysia. Pada minggu yang terakhir pula, peserta berpeluang untuk membuat penyelidikan mengenai koleksi rujukan perundangan yang terdapat di Perpustakaan Undang-Undang. Pelbagai bahan rujukan telah dipilih dan dibincangkan, di mana penekanan diberikan kepada sifat-sifat utamanya, batasan penggunaannya dan juga strategi pencarian untuk menggunakannya. Bahan-bahan ini terdiri daripada 'Halsbury's Laws of England', 'Mallal's Digest', 'Current Law Citor', 'Index to Legal Periodicals', 'Federal Statute Law Referencer', Pangkalan Data Perundangan CD-ROM seperti Criminal Justice Abstract dan Index to Legal Periodicals & Books, Pangkalan Data Umum CD-Net yang membolehkan pengaksesan kepada CD-ROM seperti DAO, ERIC, LISA dan lain-lain, juga Pangkalan Data Talian Terus yang terdiri dari NSTP dan LEXIS-NEXIS.

Program ini telah dikendalikan dalam suasana yang tidak formal dan mesra. Masa yang diberikan untuk persembahan setiap pasangan adalah 10-15 minit. Jika terdapat sebarang kemusykilan atau peserta-peserta memerlukan keterangan yang lebih lanjut, mereka diberi peluang untuk mengemukakan soalan-soalan di akhir setiap persembahan. Di masa inilah Ketua Perpustakaan Undang-Undang (yang mempunyai kelulusan dalam

kedua-dua bidang kepustakawanan dan Undang-undang) telah memberi maklumat tambahan, tunjukajar atau menghuraikan persoalan yang kurang difahami oleh peserta-peserta. Berdasarkan jumlah soalan relevan yang telah dikemukakan, ini menunjukkan minat dan penglibatan yang aktif dari para peserta.

Peserta-peserta telah menunjukkan kesungguhan dalam menjayakan program ini mulai dari hari pertama ketika memilih topik kecil masing-masing, membuat penyelidikan dan seterusnya semasa menyampaikan hasil penemuan mereka dalam bidang tajuk yang telah dipilih. Persembahan telah diadakan di hadapan kakitangan yang terlibat, dan diadili oleh tiga orang hakim. Kebanyakan kumpulan telah mempamerkan bakat terpendam masing-masing dari segi cara mengendalikan penyelidikan dan juga kemahiran berkomunikasi. Dengan menggunakan alat-alat yang membantu persembahan berserta dengan persiapan awal yang terbaik, peserta-peserta dapat bercakap dengan penuh keyakinan dan minat. Kebanyakan dari mereka telah membuat persembahan yang sangat memuaskan.

Latihan atau program ini disifatkan sebagai satu proses pembelajaran. Peserta bukan sahaja belajar daripada hasil penyelidikan dan penemuan masing-masing, mereka juga mendapat pengetahuan tambahan daripada topik persembahan rakan-rakan sekerja yang lain. Pada penghujung kursus, peserta-peserta dikehendaki menduduki satu ujian bertulis. Inilah masanya mereka diberi peluang mencurahkan segala pengetahuan yang telah diperolehi berdasarkan pada semua topik yang telah dipersembahkan oleh kesemua kumpulan di sepanjang tiga minggu tersebut. Selain daripada ujian, peserta-peserta juga diberi kesempatan untuk menyampaikan pendapat serta komen masing-masing berkenaan dengan skim pembelajaran tersebut secara bertulis. Satu analisa ringkas berdasarkan kepada apa yang ditulis menunjukkan yang hampir kesemua peserta berpendapat latihan ini adalah baik dan perlu diteruskan dan mereka sungguh

ingin untuk mengambil bahagian dalam program yang sama pada tahun hadapan. Berikut adalah beberapa petikan daripada komen-komen yang diterima: "Training ini sesuai dan patut diteruskan", "I learnt a lot within these three weeks", "Program ini (giving speech) banyak membantu kita dan mengajar betapa pentingnya kedudukan kita sebagai anggota staff Perpustakaan Undang-Undang", "This exercise is good because it is one sure way of learning ... this will create efficient staff manning the Law Library", "Latihan ini amat baik ... memandangkan ia telah memberi pendedahan yang berguna", "Kaedah yang digunakan ... begitu praktikal. Selain dari teori saya didedahkan secara langsung cara praktikal seorang 'research assistant' bekerja", "... training programme ini bagus ... tetapi seelok-eloknya biarlah secara individu ... kerana ia dapat belajar dan tidak hanya bergantung kepada pihak yang kedua ...", "We went in with much apprehension thinking it would be an impossible task, but to our surprise we discovered that nothing is impossible. This training programme gave us a lot of confidence not only in presenting our topics but most important of all we gained a lot of knowledge through it".

Sebagai tanda penghargaan atas segala kerjasama yang telah diberikan dan sikap ingin belajar yang positif beserta dengan kesungguhan bekerja yang telah ditunjukkan oleh kakitangan, Ketua Perpustakaan Undang-Undang telah mengadakan satu jamuan teh pada hari terakhir cuti semester. Di majlis ini, beliau telah menyampaikan analisisnya ke atas program tersebut secara keseluruhan, dan seterusnya mengumumkan pemenang-pemenang. Mereka yang berjaya telah diberikan hadiah. Hadiah untuk 'Kumpulan Terbaik' ataupun 'The Outstanding Team' jatuh kepada Puan Latifah Sher Mohamed dan Puan Susan Ng, manakala hadiah saguhati pula dimenangi oleh Puan Faizah Abdul Rahim dan Puan Maznah Mohd. Yunus. Tahniah kepada pemenang-pemenang dan untuk semua kakitangan yang terlibat, diucapkan 'Syabas' dan berbanyak 'Terima Kasih'.



Pemenang-pemenang bergambar bersama Ketua Perpustakaan Undang-Undang. Dari kiri ke kanan: Puan Maznah Mohd. Yunus, Puan Latifah Sher Mohamed, Puan Rashidan Hakkam (Ketua), Puan Susan Ng dan Puan Faizah Abdul Rahim.